

Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor Yang Memberi Motivasi Kepada Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Enam Buah Sekolah Menengah Kebngsaan Daerah Johor Bahru.

Mohd Rizal Bin Mohd Said & Rehan Bt Mohd Taha
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup berdasarkan 3 faktor iaitu intrinsik, ekstrinsik dan persekitaran. Sampel kajian terdiri daripada 46 orang guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup daripada 6 buah SMK daerah Johor Bahru. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen bagi kajian ini. Nilai indeks kebolehpercayaan item soal selidik ini adalah $\alpha = 0.7483$. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSSv11.5, iaitu *Statistical Packages For The Social Science (SPSS) for Windows version 11.5* untuk mendapatkan kekerapan peratusan, dan min. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor intrinsik dengan nilai min tertinggi iaitu 3.71 paling mempengaruhi dalam memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Manakala dua faktor lain yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dengan nilai min bagi faktor ekstrinsik ialah 3.69 dan bagi faktor persekitaran dengan nilai min ialah 3.63. Beberapa cadangan dikemukakan bagi melaksanakan kajian lanjutan dilakukan.

Abstract: This descriptive research is to identify factors that motivate teacher's creativity in teaching Living Skills subject based on three major factors that are; intrinsic, extrinsic and environment. Research samples are 46 teachers whom teaching Living Skills subject from SMK's school in Johor Bahru. The reliability index of the questionnaire item was $\alpha = 0.7483$. The result of this research is analyzed by using Statistical Packages For The Social Science (SPSS) for Windows version 11.5 to get the frequency, percentage and mean. The result shows that intrinsic factors has the highest mean which is 3.71. Another two factors that motivate teacher's creativity in teaching Living Skills subject has the mean of 3.69 for extrinsic factors and 3.63 for environment factors. A few suggestions have been given to proceed with the further research.

Katalunci: ekstrinsik, intrinsik, kreativiti guru, pengajaran, persekitaran

Pengenalan

Setiap pendidik berhasrat untuk menyampaikan pengajaran yang berkesan. Omardin Ashaari (1999) menyatakan guru perlu membuat perancangan dengan teliti terlebih dahulu. Mereka juga harus memastikan kaedah yang terbaik untuk mengawal kelas agar pengajaran yang disampaikan itu berjalan dengan lancar berkesan dan bermakna. Untuk mencapai tahap ini memerlukan satu mekanisme dalam menggerakkan kreativiti guru dalam pengajarannya.

Sehubungan dengan itu untuk menggerakkan kreativiti seseorang Mohd. Azhar (2001) menyatakan motivasi amat penting untuk berkreativiti sama ada secara individu atau berkumpulan, di mana motivasi ialah suatu keadaan yang mana individu atau kumpulan berusaha menggerakkan tingkah laku atau satu dorongan yang bertujuan untuk mencapai matlamat dan insentif tertentu. Malah Evans (1991) menyatakan "*creativity is often motivated by an individual's or group need to invent solutions from limited resources*", beliau juga menegaskan bahawa walau apa pun sebabnya, motivasi merupakan faktor terpenting dalam berkreativiti. Kenyataan Evans ini amat bertepatan dengan beberapa teori motivasi yang

melibatkan beberapa sarjana psikologi organisasi seperti Abraham Maslow, Douglas McGregor, McClelland dan Federick Herzberg.

Pernyataan Masalah

Kreativiti merupakan nadi dalam kehidupan seharian. Kreativiti digunakan dalam banyak keadaan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tanpa kreativiti guru maka pembelajaran akan menjadi lesu. Mohd Azhar (2001) berpendapat zaman kanak-kanak adalah zaman perkembangan daya kreativiti. Kreativiti ini terus subur dari hari ke sehari. Namun begitu menurutnya lagi sebaik sahaja kita memasuki alam persekolahan dan semakin tinggi tahap persekolahan, semakin nipis daya kreativiti seseorang. Oleh itu kreativiti tidak dapat dikekalkan sentiasa. Ianya memerlukan dorongan bagi meningkatkan kreativiti seseorang.

Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti apakah faktor-faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran terutamanya bagi subjek Kemahiran Hidup. Ini adalah kerana seorang guru yang kreatif akan bertindak sebagai pemberi motivasi dalam pembelajaran bagi para pelajar (Yong dan Biraimah, 1996).

Objektif Kajian

Objektif-objektif umum kajian ini ialah untuk:

- 1 mengenalpasti faktor-faktor intrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- 2 mengenalpasti faktor-faktor ekstrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- 3 mengenalpasti faktor-faktor persekitaran yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan diharap dapat memberi manfaat dan panduan kepada beberapa pihak bagi meneliti hal yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Antara pihak yang boleh mendapat manfaat daripada kajian ini ialah:

1 Pihak sekolah

Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat dan menjadi input yang berguna kepada pihak sekolah untuk memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lebih berkesan di sekolah dengan penyediaan pelbagai input tambahan terhadap guru-guru khususnya guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup bagi mencambah idea kreativiti guru terbabit.

2 Pihak Guru

Menerusi kajian ini, diharapkan para guru menyedari kepentingan kreativiti guru dalam pengajaran khususnya bagi guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup. Ini adalah kerana salah satu cabang dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup terdapat tajuk Rekacipta yang menuntut guru supaya lebih kreatif bagi menjana kreativiti murid seterusnya mencapai objektif falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan manusia yang kreatif dan inovatif.

3 Pelajar

Kajian ini juga mendorong pelajar untuk lebih bersemangat dan menjadi lebih kreatif bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup melalui pengajaran guru yang kreatif. Ia juga adalah sebagai input dan menjadi contoh kepada pelajar seterusnya meningkatkan minat pelajar dan menyedari rasional mata pelajaran Kemahiran Hidup. Autonomi yang diberikan kepada pelajar dalam gerak kerja di dalam atau di luar kelas mampu meningkatkan motivasi dalaman, mengurangkan rasa tertekan dan boleh menggunakan pembelajaran koseptual dengan lebih berkesan.

4 Penyelidik

Melalui kajian ini juga diharap dapat membantu penyelidik sendiri dalam memahami dan mengetahui apakah faktor-faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran seterusnya dapatan tersebut dapat digunapakai di masa akan datang. Diharap penyelidik dapat menjadi seorang guru yang kreatif seterusnya meningkatkan kreativiti pelajar dan kecenderungan pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup khususnya.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya mengenalpasti faktor-faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran dari segi faktor intrinsik, ekstrinsik dan persekitaran.

Ianya dihadkan hanya kepada enam buah Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Johor Bahru. Kajian ini dikhususkan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup tanpa mengira opsyen guru tersebut. Terdapat 43 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di dalam daerah Johor Bahru. Penyelidik hanya memilih 6 buah SMK dalam daerah Johor Bahru. Antara sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah:

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Damai Jaya
- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara
- iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara 2
- iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti
- v. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Mutiara Rini
- vi. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Engku Tun Aminah

Jumlah keseluruhan populasi sampel adalah seramai 52 orang guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup. Penyelidik menggunakan populasi kajian yang melibatkan seramai 52 orang guru adalah kerana menurut Azizi Yahya *et al.* (2006) dalam kajian, saiz sampel memainkan peranan yang besar dalam menentukan kejayaan dan kebolehpercayaan ujian itu. Penyelidik memerlukan saiz sampel yang cukup besar bagi membuat kesimpulan daripada sampel kepada populasi. Sungguh pun demikian dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru yang mengajar subjek Kemahiran Hidup di Malaysia

Responden yang terpilih bagi kajian kes ini terdiri daripada semua guru-guru yang terlibat mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup bagi tingkatan 1, 2 dan 3 tanpa mengira opsyen utama. Ini adalah kerana setiap guru yang mengajar terutamanya mata pelajaran Kemahiran Hidup terdedah secara langsung dengan kreativiti dalam pengajaran. Ini bersesuaian dengan matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian (PPK 2000). Proses pengajaran bagi mata pelajaran ini juga menuntut guru sentiasa peka dengan perkembangan semasa bagi memastikan guru tidak ketinggalan dalam memberikan buah fikiran dalam pengajarannya.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi guru Kemahiran Hidup yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan dalam daerah Johor Bahru adalah mengikut nisbah 1: 20 iaitu seorang orang guru kepada 20 orang murid. Di dalam kajian ini penyelidik melibatkan hanya 6 buah sekolah yang terdapat mata pelajaran Kemahiran Hidup seperti yang disenaraikan di atas.

Sampel adalah sumber untuk mendapatkan data (Mohamad Najib, 1999). Pemilihan sekolah yang disenaraikan di atas adalah kerana bilangan guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup bagi tingkatan 1 hingga 3 di sesebuah sekolah adalah mengikut nisbah 1 :20 iaitu seorang guru bagi setiap kelas yang mempunyai seramai 20 orang murid bagi setiap pilihan manipulatif Kemahiran Hidup. Oleh itu bilangan populasi perlu diluaskan daripada sebuah sekolah kepada 6 buah sekolah bagi mendapatkan data yang lebih relevan kerana ianya memainkan peranan yang besar dalam menentukan kejayaan dan kebolehpercayaan ujian itu. Penyelidik memerlukan saiz sampel yang cukup besar bagi membuat kesimpulan daripada sampel kepada populasi bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang lebih baik.

Pemilihan sampel juga terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup tanpa mengira opsyen. Ianya terdiri daripada 2 jenis sekolah iaitu Sekolah Rancangan Khas dan Sekolah Harian Biasa. Sekolah Rancangan Khas bermaksud pelajar yang memasuki sekolah jenis ini memerlukan keputusan 5 A di dalam Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR). Manakala sekolah harian biasa adalah pelajar yang mempunyai pelbagai keputusan di dalam UPSR. Ini adalah bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang seimbang. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 46 orang.

Sampel bagi kajian ini adalah sampel jenis rawak dengan mengambil beberapa sampel guru-guru yang mengajar subjek Kemahiran Hidup di enam buah Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. Guru-guru yang dipilih mengajar sama ada di kelas tingkatan 1,2 dan 3 memandangkan adakalanya guru-guru Kemahiran Hidup yang sama bagi setiap sekolah akan mengajar ketiga-tiga tingkatan tersebut.

Kajian ini merupakan kajian dekskriptif yang menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi dari soal selidik (Najib Abdul Ghafar, 1999). Dalam kajian ini soal selidik digunakan sebagai instrument kajian untuk mendapatkan maklumat dalam persoalan kajian. Keputusan pertama dalam menentukan metodologi kajian ialah tentang reka bentuk kajian (Mohamad Najib, 1999). Ia meliputi cara seseorang pengkaji menjalankan kajian, mendapatkan data serta perancangan pengkaji supaya data yang diperolehi dapat memenuhi kehendak objektif kajian. Hanya dengan reka bentuk yang saintifik mengurangkan persoalan tentang sesuatu kajian nanti. Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru yang mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup dalam daerah Johor Bahru mengenai faktor-faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai sumber utama dalam mendapatkan data dan ianya merupakan perkara yang terpenting dalam kajian ini. Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui pandangan seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar (Mohamad Najib, 1999).

Pilihan soal selidik dalam kajian ini adalah jenis soalan kadar menggunakan kaedah Likert. Soal selidik yang baik akan menepati objektif yang dikehendaki, memperoleh maklumat yang paling tepat dan lengkap serta dapat mencapai tujuan sebenar kajian dengan perbelanjaan yang sederhana.

Skala Likert adalah digunakan bagi mendapatkan maklum balas terhadap setiap kenyataan yang dikemukakan. Penyelidik menggunakan Skala Likert adalah kerana ia merupakan pengumpulan maklumat yang mudah dan dengan menggunakan Skala Likert juga ianya dapat memberikan hasil yang tepat terhadap sesuatu pembolehubah yang dikaji. Selain daripada itu juga Skala Likert mempunyai tahap kebolehpercayaan yang melebihi 85% (Mohd Majid Konting, 1994). Dalam penggunaan Skala Likert ini, responden diminta membulatkan nombor yang bersesuaian dengan kenyataan yang diberikan.

Terdapat dua bahagian dalam set soal selidik bagi kajian ini, iaitu Bahagian A, dan Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada latar belakang responden seperti umur, jantina, opsyen mengajar, pengalaman mengajar, kelas yang diajar dan pengalaman mengajar subjek Kemahiran Hidup. Item-item di bahagian B dibina berdasarkan kepada objektif kajian. Setiap soalan dipadankan dengan lima aras skala Likert sebagai pilihan jawapan untuk responden.

Bahagian A, merupakan maklumat asas berkenaan dengan biodata diri para responden. Bahagian B pula, skor diberi dalam bentuk skala Likert. Likert (1932), mencadangkan kaedah penyelidikan sikap yang lebih mudah. Penyelidik perlu memilih satu set pernyataan sikap dan subjek perlu menandakan persetujuan atau pun ketidak persetujuan mereka terhadap setiap pernyataan sepanjang Skala Lima Point. Bermula daripada 'amat bersetuju' kepada 'amat tidak bersetuju'. Tiada juri diperlukan bagi menentukan kedudukan pada skala pernyataan. Ini adalah kerana semua subjek yang memilih 'amat bersetuju' dianggap lebih menyukai pernyataan sikap itu berbanding dengan yang hanya menjawab 'agak setuju' dan 'amat tidak bersetuju'.

Skor setiap subjek dijadualkan dengan memberikan nilai bernombor pada setiap jawapan bermula dari 1 bagi pilihan di satu hujung hingga 5. Bagi pilihan di akhir skor dan kemudian menjumlahkan keseluruhan nilai jawapan bagi setiap soalan.

Kebolehpercayaan

Sebelum kajian sebenar dijalankan oleh penyelidik, set soal selidik perlu diuji terlebih dahulu melalui kajian rintis. Tujuan ianya diadakan adalah bagi menguji kebolehpercayaan dan keesahan item-item dalam soal selidik. Menurut Azizi Yahya *et al.* (2006) apabila masa kajian melalui tahap perancangan dan sampai ke tahap soal selidik dibina, banyak usaha dan wang dilaburkan. Menurut beliau lagi kajian rintis soal selidik pada tahap ini adalah berguna bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang lain yang masih wujud dalam soal selidik. Maka dengan itu pra-pengujian melibatkan pengedaran soal selidik kepada kelompok responden yang dipilih.

Kajian rintis dijalankan ke atas 10 orang pelajar dalam kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan (Kemahiran Hidup) di UTM Skudai selaku bekas guru yang sedang bercuti belajar dan mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG). Kajian ini bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan soal selidik dengan mengedarkan set soal selidik bagi tujuan kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Kebolehpercayaan bagi item dalam soal selidik boleh dikenalpasti dengan menggunakan Cronbach ataupun Kuder Richardson (Mohd Najib, 1999). Bagi kaedah Alpha Cronbach, jika pekainya berada dalam lingkungan 0.6-1.0, maka ia memberi petunjuk item kajian boleh diterima dan instrument serta item-item pernyataan tidak perlu ditukar.

Keputusan

Jadual 1: Faktor-Faktor Intrinsik Yang Memberi Motivasi Kepada Kreativiti Guru Dalam Matapelajaran Kemahiran Hidup

No Item	Item	N=46									
		ATS		TS		IP		S		SS	
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
1	Saya beranggapan bahawa saya seorang yang kreatif	0	0	1	2.2	18	39.1	26	56.5	1	2.2
2	Jika saya fikir diri saya kreatif maka saya akan menjadi kreatif	0	0	2	4.3	5	10.9	36	78.3	3	6.5
3	Saya suka mengetahui potensi kreativiti diri sendiri melalui penyampaian saya dalam pengajaran	0	0	1	2.2	5	10.9	37	80.4	3	6.5
4	Saya suka mencari cara baru untuk melakukan sesuatu	0	0	0	0	5	10.9	38	82.6	3	6.5
5	Saya sedia mengambil risiko dengan melakukan perkara baru	0	0	4	8.7	17	37	23	50	2	4.3
6	Saya mahu mempelajari perkara baru di luar bidang pengetahuan saya	0	0	0	0	6	13	33	71.7	7	15.2
7	Saya lebih suka idea dan teori berbanding fakta dan angka	0	0	7	15.2	16	34.8	20	43.5	3	6.5
8	Saya suka bertanya banyak soalan sebelum memberi respons	0	0	0	0	4	8.7	41	89.1	1	2.2
9	Saya lebih suka menggunakan cara sedia ada dalam melakukan sesuatu daripada menggunakan kaedah yang baru	1	2.2	19	41.3	11	23.9	15	32.6	0	0
10	Saya gemar melakukan perkara yang merangsang minda	0	0	0	0	6	13	28	60.9	12	26.1
11	Saya bekerja keras untuk memastikan sesuatu matlamat saya tercapai	0	0	0	0	5	10.9	30	65.2	11	23.9
12	Saya sentiasa tidak berpuas hati dengan pencapaian saya	1	2.2	10	21.7	10	21.7	23	50	2	4.3
13	Saya sentiasa ingin berada di zon selesa tanpa perlu bersusah payah dalam menyampaikan pengajaran saya	1	2.2	24	52.2	6	13	15	32.6	0	0

14	Saya selalu melayari internet bagi mendapatkan maklumat terkini bagi subjek Kemahiran hidup	0	0	9	19.6	6	13	23	50	8	17.4
15	Saya sentiasa dijadikan tempat rujukan oleh rakan-rakan sekerja saya atas kebolehan yang saya miliki	0	0	4	8.7	12	26.1	25	54.3	5	10.9
16	Saya amat meminati mata pelajaran Kemahiran Hidup	0	0	0	0	6	13	27	58.7	13	28.3
17	Saya sentiasa bersedia dengan alat bantuan mengajar saya setiap kali saya mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup	0	0	0	0	6	13	29	63	11	23.9
Purata		0.39		10.36		18.41		59.96		10.88	

Jadual 2: Faktor-Faktor Ekstrinsik Yang Memberi Motivasi Kepada Kreativiti Guru Dalam Matapelajaran Kemahiran Hidup

No Item	Item	N=16									
		ATS		IS		TP		S		SS	
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
1	Saya sering terpilih oleh balagian pentadbiran sekolah untuk membimbing pelajar yang mewakili sekolah dalam pertandingan yang berkaitan dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup	2	4.3	10	21.7	12	26.1	21	45.7	1	2.2
2	Apabila menyentai sesuatu pertandingan saya yakin pelajar saya boleh berjaya dengan bimbingan saya	0	0	1	2.2	16	34.8	27	58.7	2	4.3
3	Saya berasa puas apabila melihat pelajar saya berjaya	0	0	0	0	3	6.5	30	65.2	13	28.3
4	Saya berasa pihak pentadbiran perlu memberi pengiktirafan pada hasil kerja yang telah saya buat selama ini	0	0	4	8.7	21	45.7	17	37	4	8.7
5	Saya bersedia memberi kelas tambahan secara percuma kepada pelajar bagi membantu mereka mendapat keputusan yang cemerlang	0	0	0	0	5	10.9	35	76.1	6	13
6	Pada pendapat saya, kursus-kursus peningkatan profesionalisme merupakan insentif bagi meningkatkan kemahiran saya dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup	0	0	0	0	5	10.9	27	58.7	14	30.4
7	Saya berpendapat gaji yang ditawarkan dalam profession perguruan adalah agak tinggi berbanding jawatan lain	7	15.2	17	37	8	17.4	13	28.3	1	2.2
8	Saya memandang profession perguruan sebagai kerjaya yang mulia	0	0	0	0	0	0	25	54.3	21	45.7
9	Pemantauan oleh Pengema ke atas bengkel Kemahiran Hidup membuatkan saya sentiasa memastikan bengkel tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik	1	2.2	16	34.8	2	4.3	21	45.7	6	13
10	Pihak pentadbiran sekolah sentiasa memberi penghargaan kepada guru-guru bagi setiap kejayaan yang dicapai	1	2.2	9	19.6	9	19.6	24	52.2	3	6.5

11	Pihak pentadbiran akan mengadakan hari keluarga setahun sekali sebagai penghargaan kepada guru	3	6.5	4	8.7	16	34.8	19	41.3	4	8.7
12	Saya sentiasa terdorong untuk menjadi lebih kreatif dalam menarik minat pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup	0	0	1	2.2	7	15.2	32	69.6	6	13
13	Kejayaan pelajar saya dalam peperiksaan yang lepas membuatkan saya lebih bersemangat untuk merancang kejayaan yang lebih baik di masa akan datang	0	0	0	0	5	10.9	31	67.4	10	21.7
14	Saya berpendapat pengalaman mengajar saya sudah cukup memadai tanpa perlu menghadiri kursus-kursus peningkatan professionalism	6	13	17	37	11	23.9	10	21.7	2	4.3
15	Saya berpendapat mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah sama penting dengan mata pelajaran teras yang lain	0	0	2	4.3	2	4.3	27	58.7	15	32.6
16	Saya amat meminati mata pelajaran Kemahiran Hidup kerana ianya dapat memupuk kreativiti saya	0	0	0	0	3	6.5	31	67.4	12	26.1
Purata		2.71		11.01		16.99		53		16.29	

Jadual 3: Faktor-Faktor Persekitaran Yang Memberi Motivasi Kepada Kreativiti Guru Dalam Matapelajaran Kemahiran Hidup.

No Item	Item	N=46									
		ATS		TS		TP		S		SS	
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
1	Guru-guru sentiasa diberi peluang untuk berkeaktiviti	0	0	1	2.2	7	15.2	31	67.4	7	15.2
2	Saya mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup berpandukan buku teks semata-mata	2	4.3	24	52.2	5	10.9	13	28.3	2	4.3
3	Saya suka membuat pembaharuan dari segi susun atur perabot di dalam bengkel saya bagi mewujudkan suasana belajar yang selesa	0	0	5	10.9	8	17.4	28	60.9	5	10.9
4	Rakan rakan sekerja saya sama sama menyumbng idea kreatif bagi memastikan bengkel Kemahiran Hidup kami sentiasa ceria	0	0	2	4.3	7	15.2	31	67.4	6	13
5	Bahan-bahan yang diperlukan oleh pelajar bagi penyediaan projek Kemahiran Hidup sentiasa mencukupi	2	4.3	4	8.7	12	26.1	21	45.7	7	15.2
6	Bahan-bahan yang diperlukan oleh pelajar bagi penyediaan projek Kemahiran Hidup sentiasa terkini	2	4.3	4	8.7	4	8.7	29	63	7	15.2
7	Saya berasa selamat bekerja dalam kumpulan saya	0	0	0	0	1	8.7	36	78.3	6	13
8	Panitia sentiasa berbincang bagi menyelaras isi pengajaran bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup	0	0	1	2.2	2	4.3	34	73.9	9	19.6
9	Saya lebih selesa berada di bilik guru yang terdapat di bengkel semasa menyiapkan kerja-kerja rutin	0	0	0	0	3	6.5	35	76.1	8	17.4
10	Saya sukakan persaingan sihat di antara rakan sekerja dalam penyampaian isi pengajaran	0	0	0	0	2	4.3	35	76.1	9	19.6
11	Suasana kerja di sekolah saya sangat kondusif dan menggalakkan	1	2.2	2	4.3	7	15.2	34	73.9	2	4.3
12	Guru-guru bukan opsycn mahupun guru baru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup sentiasa diberi bimbingan dalam menyampaikan yang terbaik kepada pelajar	0	0	2	4.3	3	6.5	37	80.4	4	8.7

13	Bengkel Kemahiran Hidup mempunyai ruang pengudaraan yang baik	0	0	1	2.2	3	6.5	35	76.1	7	15.2
14	Saya sentiasa mempunyai masa yang mencukupi ketika mengajar	4	8.7	15	32.6	13	28.3	12	26.1	2	4.3
15	Saya tidak dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang boleh menjejaskan waktu mengajar saya	8	17.4	17	37	6	13	12	26.1	3	6.5
16	Saya sentiasa bimbang dengan masalah disiplin pelajar ketika mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup	2	4.3	20	43.5	5	10.9	15	32.6	4	8.7
17	Pelajar saya sering menunjukkan minat setiap kali mereka hadir dalam kelas matapelajaran Kemahiran Hidup saya	1	2.2	11	23.9	9	19.6	18	39.1	7	15.2
Purata		2.81		13.94		12.78		58.32		12.14	

Jadual 4: Taburan Peratusan Responden Secara Keseluruhan Persoalan Kajian

Persoalan Kajian		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1	Faktor-faktor intrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran matapelajaran Kemahiran hidup	0.39	10.36	18.41	59.96	10.86
2	Faktor-faktor ekstrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup	60.4	10.36	16	49.9	15.34
3	Faktor-faktor persekitaran yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup	2.2	23.9	19.6	39.1	15.2

Jadual 5: Min dan Tahap Keseluruhan Bagi Setiap Persoalan Kajian

	Persoalan Kajian	Min	Tahap
1	Faktor-faktor intrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran hidup	3.71	Tinggi
2	Faktor-faktor ekstrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup	3.69	Tinggi
3	Faktor-faktor persekitaran yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup	3.63	Sederhana

Perbincangan

Faktor-faktor intrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran hidup

Hasil dapatan menunjukkan faktor intrinsik jelas merupakan faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran hidup di kalangan guru-guru di enam buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Johor Bahru.

Ini adalah kerana responden bersetuju bahawa mereka sentiasa positif mengenai motivasi intrinsik masing-masing. Intrinsik merupakan salah satu jenis motivasi yang telah banyak dibuat kajian mengenainya dan ianya merupakan factor penting dalam pembangunan dan pendidikan. Ini bertepatan dengan pendapat Deci & Ryan(2000) yang menyatakan motivasi intrinsik telah muncul menjadi fenomena yang penting kepada para pendidik. Motivasi intrinsik bermakna dorongan dalaman (Vinaeke dalam Syaifudi, 1988). Dorongan dalaman ialah kesediaan seseorang itu melakukan sesuatu tugas kerana tugas itu sendiri yang menyebabkannya berasa seronok dan puas hati.

Dalam keadaan ini apa yang menyebabkannya seronok bekerjaitu ialah pekerjaan itu sendiri. Kebanyakan responden bersetuju dengan item-item yang dinyatakan seperti “saya amat meminati mata pelajaran Kemahiran hidup”, “saya sentiasa bersedia dengan alat bantuan mengajar saya setiap kali saya mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup”, atau “saya suka mengetahui potensi kreativiti diri sendiri melalui penyampaian saya dalam pengajaran adalah seperti menurut Ainon Mohd & Abdullah (2002) merupakan gambaran motivasi intrinsik.

Purata responden bersetuju dengan persoalan kajian pertama adalah kerana responden selaku guru telah jelas mengenai prinsip etika bekerja dalam Kementerian Pendidikan Malaysia antaranya berdasarkan niat yang betul, perlakuan yang baik, pergerakan kearah kebaikan, memperkotakan apa yang dikatakan serta berdisiplin dan beradap (Etika Kerja, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Oleh yang demikian atas rasa tanggungjawab inilah merupakan faktor intrinsik yang member motivasi kepada kreativiti guru dalam

pengajaran kerana sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru perlu menyedari tugas dan amanah yang diserahkan kepadanya bagi mendidik generasi (Tuan Mohd Fadlan Tuan Jaafar,2006).

Melalui latar belakang responden terdapat guru yang mempunyai opsyen mengajar Kemahiran Hidup dan juga guru yang mempunyai opsyen selain dari Kemahiran Hidup. Namun begitu ia bukan menjadi penghalang kepada factor intrinsik untuk memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam menyampaikan pengajaran. Ini adalah kerana kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka sentiasa bermotivasi mempelajari perkara baru diluar bidang pengetahuan masingmasing.

Sungguhpun demikian terdapat peratusan yang amat kecil respuonden yang kurang bersetuju dengan persoalan kajian pertama yang menyatakan faktor intrinsic memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Ini adalah kerana faktor intrinsik mereka tidak cukup kuat untuk memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran sebaliknya lebih kepada menjalankan rutin biasa sebagai guru atau tiada pilihan lain atau terdpat juga dorongan daripada faktor-faktor lain.

Secara kesimpulannya dapatlah disimpulkan bahawa faktor intrinsic memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran hidup di kalangan guru-guru di enam buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Johor Bahru merupakan pernyataan yang banyak dipersetujui oleh responden. ini bertepatan dengan pendapat Brophy (1983) yang menyatakan motivasi intrinsik adalah hasil daripada watak personaliti individu. Untuk mencapai motivasi secara intrinsik ianya berkait rapat dengan aktiviti untuk kebaikan diri sendiri dan keinginan luaran aktiviti tersebut.

Faktor-faktor ekstrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran matapelajaran Kemahiran hidup

Pada persoalan kajian yang kedua pula kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan faktor-faktor ekstrinsik yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran matapelajaran Kemahiran hidup. Jika ditinjau maksud dorongan luaran (motivasi ekstrinsik) ialah kesanggupan seseorang melakukan sesuatu tugas disebabkan ada ganjaran-ganjaran luaran ataupun disebabkan dia tidak mahu dihukum (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2002). Dalam keadaan ini faktorfaktor yang menyebabkan seseorang itu berasa seronok tidak ada pada tugas itu. Motivasi ekstriensik amat bertentangan dengan motivasi intrinsik, di mana ia merujuk kepada melakukan sesuatu hanya untuk keseronokan semata. Ia juga merupakan faktor penggerak luaran seperti perhatian, insentif yang diperolehi, pujian, dan dorongan pihak lain. Menurut Amabile (1996) menyatakan bahawa;"*intrinsic motivation was conducive to creativity; whereas extrinsic motivation was detrimental*" (p.107).

Kebanyakan responden juga bersetuju dengan pernyataan bagi persoalan kajian kedua adalah kerana mereka merasakan perlunya ada faktor-faktor ekstrinsik ini bagi memotivasikan kreativiti dalam pengajaran mereka. Menurut teori Maslow pada tahap awal,motivasi luaran atau ekstrinsiklah yang memandu seseorang untuk mencapai keperluan yang dikehendaki. Ia merupakan dalaman individu terbabit yang telah ditanamkan oleh kualiti luaran intrinsik dalam tugasan yang telah ditetapkan.

Faktor-faktor persekitaran yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran matapelajaran Kemahiran hidup

Pada persoalan kajian yang ketiga pula responden bersetuju dengan pernyataan faktor persekitaran juga merupakan faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran matapelajaran Kemahiran hidup. Ini memandangkan responden bersetuju bahawa faktor-faktor persekitaran seperti rakan sekerja, tempat bekerja dan suasana bekerja juga memainkan peranan yang penting dalam memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran. Ini berpandukan kajian Amabile (1996)

menghipotesiskan bahawa manusia tidak akan terlibat dengan proses kreativiti melainkan keadaan persekitaran sosial yang menggalakkan. Keadaan persekitaran menurut Brown (1989) pula adalah termasuk orang (guru, rakan sebaya, ibubapa, mentor) dengan siapa individu tersebut berinteraksi dan atau keadaan fizikal (sekolah, kurikulum, sumber kemudahan, peralatan).

Responden juga bersetuju bahawa bahan-bahan yang diperlukan oleh pelajar bagi penyediaan projek Kemahiran Hidup di sekolah masing-masing adalah mencukupi dan terkini. Manakala suasana kerja di sekolah masing-masing adalah sangat kondusif dan menggalakkan. Ini mewujudkan suasana yang menggalakkan seterusnya memotivasi kreativiti mereka dalam pengajaran. Pernyataan lain pula ramai responden di sekolah masing-masing bersetuju bahawa guru-guru yang baru mahupun guru yang bukan opsyen bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup sentiasa diberi bimbingan dalam menyampaikan yang terbaik kepada para pelajar. Keadaan ini menurut Csikszentmihalyi (1988) menegaskan bahawa "*social support networks*" adalah nadi kreativiti. Beliau juga menegaskan kepentingan sistem sosial dengan merujuk kepada persekitaran luaran yang menarik disekeliling individu terbabit.

Sehubungan dengan itu responden berasaskan faktor persekitaran dapat memberi motivasi kepada kreativiti mereka dalam pengajaran memandangkan keadaan sekeliling mereka yang sentiasa positif dan menggalakkan. Ini dapat disokong dengan pendapat Mohd Azhar (2004) di mana budaya dan persekitaran kreatif yang diwujudkan secara tidak langsung akan merangsang daya saing dan semangat '*esprit de corps*' di kalangan pekerja. Sehubungan itu beliau menambah, sesebuah organisasi dan syarikat boleh mencipta kejayaan dengan cara menyediakan peluang dan ruang kreatif kepada pekerja syarikatnya. Mohd Azhar (2001) pula menyatakan persekitaran yang kondusif seperti suasana pejabat, ruang, hiasan dalaman dan penguasaan yang sihat boleh memberi kesan langsung kepada penghasilan idea-idea yang kreatif

Rumusan

Secara kesimpulannya didapati responden bersetuju bahawa ketiga-tiga faktor intrinsik, ekstrinsik dan persekitaran faktor intrinsik merupakan faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup di enam buah Sekolah Menengah Kebangsaan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Damai Jaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara, Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara 2, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Aminah.

Namun begitu faktor ekstrinsik adalah merupakan faktor dominan yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Maka dengan itu jelaslah bahawa sememangnya para pendidik atau guru merupakan insan yang mulia yang mendidik anak bangsa tanpa mengharapkan apa-apa balasan, walaupun ganjaran itu perlu bagi meningkatkan motivasi tetapi ia bukanlah merupakan faktor yang utama.

Melalui dapatan yang diperolehi, ia mencerminkan betapa faktor intrinsik paling berkesan dalam memberi motivasi kepada para pendidik atau guru yang sentiasa menitikberatkan kualiti dalam pengajaran supaya dapat membantu pelajar untuk menguasai kemahiran yang dipelajari melalui kreativiti guru dalam penyampaian. Ini selaras dengan objektif mata pelajaran Kemahiran Hidup iaitu ke arah membekalkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam teknologi dan ekonomi. Tenaga kerja yang sedemikian rupa dapat memenuhi inspirasi, aspirasi dan keperluan negara yang sedang membangun dalam zaman yang sedang menyaksikan kemajuan teknologi komunikasi maklumat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000). Maka selaras dengan itu pelajar akan memperoleh banyak input baru yang bersifat kreatif dan inovatif untuk membantu mengembangkan daya fikir dan potensi intelektual mereka.

Secara amnya setiap individu itu sememangnya kreatif tetapi kreativiti itu tidak akan kekal dan ianya perlu dipupuk atau ianya berlaku atas dorongan sesuatu. Juga tanpa disedari adakalanya guru-guru tidak menyedari kepentingan kreativiti ini dalam pengajaran atau tidak menyedari potensi kreativiti guru sendiri. Maka kajian ini meninjau apakah faktor-faktor yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran. Faktor-faktor yang dikaji hanyalah dari segi interinsik, ekstrinsik dan persekitaran. Manafaat dari kajian ini diharap dapat membantu guru-guru Kemahiran Hidup menyedari akan potensi kreativiti masing-masing serta dapat mengamalkannya dalam pengajaran mereka selain menyedari kepentingan faktor-faktor tersebut yang memberi motivasi kepada kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1999. *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Aziz (1997), *Motivasi dan Pembangunan Diri*, Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya et.al (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan (2002). *Guru sebagai Pendorong Dalam Darjah*, Kuala Lumpur :PTS Publicators & Distributing Sdn. Bhd.
- Amabile, T.M. 1996. *Creativity in Context*. Boulder CO: Westview Press.
- Amabile, T.M. et. al. 1999. *Breakthrough Thinking*. Boston: Harvard Business.
- Amabile, T.M.(1996), *Creativity in Context, 2nd ed.*, Westviews Press, Boulder, CO.
- Brophy, J. (1983). Conceptualizing student motivation. *Educational Psychologist*, 18, 200-215.
- Csikszentmihalyi, M. (1990) 'The Domains of Creativity', in Runco, M.A. and Albert, R.S. Theories of Creativity. London: Sage Publications.
- De Bono, E. (1997). *Pemikiran Lateral*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Deci, E. L., Koestner, R., & Ryan, R. M. (2000). *Extrinsic rewards and intrinsic motivation: Clear and reliable effects*. Unpublished manuscript, University of Rochester.
- Ee Ah Meng (1999). *Pedagogi II Perlaksanaan Pengajaran*. Shah Alam ; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1988), *Pedagogi Satu Pengenalan, Edidi ketiga*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Ee Ah Meng (1986), *Pendidikan Sebagai Satu Proses* . Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Ensiklopedia Malaysiana*. (1996). Jilid 14. Kamus (A – K). Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Etika Kerja, (1999). *Kementerian Pendidikan Malaysia, Kualiti Sepanjang Masa Kecemerlangan Pendidikan Sepanjang Usia*.

- Feldman, D. (1980). *Beyond universals in cognitive development*. Norwood, NJ: Ablex.
- Garths. Aldrich (2001). *Developing Dictionary of Creativity Terms & Definitions*. Master of Science, State University, New York.
- Halliwell (1993) 'Teacher creativity and teacher education', in Bridges, D. and Kerry, T. (eds.) *Developing Teachers Professionally; Reflections for Initial and In—service Trainers*. London:Routledge.
- Harriet Marriner (1979).Creativity and Education the Future.Speaking Out. vol. 52, no. 8 issue of The Clearing House.
- Hassan Langgulung (1990). *Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hennessey, B. A. (1989). The effect of extrinsic constraints on children's creativity while using a computer. *Creativity Research Journal*, 2,151-168.